



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 01/06

SHANGRI-LA DIALOGUE 2023
PERKUKUH HUBUNGAN NEGARA SERANTAU

Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah tiba di Republik Singapura bagi menghadiri forum Shangri-La Dialogue 2023 (SLD2023) yang diadakan selama tiga hari bertempat di Shangri-La Hotel bermula pada 2 hingga 4 Jun 2023.

Forum ini merupakan forum keselamatan bertaraf antarabangsa yang melibatkan penyertaan daripada Menteri-Menteri Pertahanan dan Pegawai-Pegawai Tertinggi Kerajaan dari negara-negara di rantau Asia Pasifik dan Benua Eropah.

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah melaksanakan pertemuan dua hala dan pelbagai hala bersama rakan sejawat dari negara-negara strategik. Pada hari pertama forum, beliau telah mengadakan perjumpaan dua hala bersama TYT Carlito G. Galvez, Jr, *Senior Undersecretary, Officer In Charge, Department of National Defence Philippines*, TYT Dr. Ng Eng Hen, Menteri Pertahanan Republik Singapura dan TYT Helena Carreiras, Menteri Pertahanan Portugal. Bagi perjumpaan pelbagai hala pula, beliau telah menghadiri mesyuarat Amerika Syarikat – Asia Tenggara yang telah dipengerusikan oleh TYT Lloyd James Austin III, Setiausaha Pertahanan, Amerika Syarikat. Dalam masa yang sama, beliau juga turut menghadiri sesi pembukaan SLD2023 dan mendengar ucap tama yang disampaikan oleh TYT Anthony Albanese, Perdana Menteri Australia.

Pada hari kedua SLD2023, Menteri Pertahanan telah menghadiri sesi mesyuarat tidak formal beserta sarapan pagi bersama dengan Menteri-Menteri Pertahanan negara *Five Power Defence Arrangement* (FPDA). Kehadiran beliau ke sesi ini menunjukkan komitmen Malaysia terhadap FPDA dan mengeratkan lagi persahabatan Malaysia dengan negara-negara FPDA yang telah terjalin sejak 52 tahun yang lalu.

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan turut menghadiri sesi plenari yang bertajuk *United States' Leadership In The Indo-Pacific* yang disampaikan oleh Lloyd J Austin III, Setiausaha Pertahanan, Amerika Syarikat. Pada hari yang sama, beliau juga telah mengadakan pertemuan dua hala dengan TYT Li Shangfu, Menteri Pertahanan China, TYT Teo Chee Hean, *Senior Minister and Coordinating Minister for National Security*, TYT Kasja Ollongren, Menteri Pertahanan Netherlands dan TYT Lloyd James Austin III, Setiausaha Pertahanan. Pada malam harinya, beliau menghadirkan diri ke Istana Singapura bagi sesi makan malam bersama dengan TYT Halimah Yacob, Presiden Singapura.

Hari ketiga SLD2023, Dato' Seri Utama Haji Mohamad telah menghadiri sesi plenari bertajuk *China's New Security Initiatives* yang disampaikan oleh Jeneral Li Shangfu, Menteri Pertahanan China dan seterusnya beliau berkesempatan untuk mengadakan pertemuan dua hala dengan TYT Richard Marles, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Australia, serta bertemu dengan TYT Vivian Balakrishnan, Menteri Luar Singapura dan akhir sekali bersama TYT Eng. Talal bin Abdullah bin Turki Al-Otaibi, Pembantu Menteri Pertahanan Arab Saudi.

Secara keseluruhannya, forum selama tiga hari ini telah memberikan impak yang besar kepada Malaysia. Ini adalah kerana, menerusi forum ini Malaysia sebagai peneraju dalam isu-isu pertahanan dan keselamatan di Asia Tenggara telah dapat bertukar-tukar pandangan serta mendengar pendirian negara-negara lain berhubung dengan isu-isu keselamatan terkini di samping memperkukuhkan hubungan pertahanan dengan negara-negara berkepentingan.

Kehadiran Menteri Pertahanan dalam forum ini memperlihatkan kesungguhan Malaysia dalam meningkatkan kerjasama pertahanan dengan negara-negara serantau dan luar rantau selaras dengan tonggak ketiga strategi pertahanan negara yang menekankan kepada perkongsian berwibawa, seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”